



MAKTAB Rendah Sains Mara di Muar, Johor. – Gambar hiasan

Syarat baharu masuk Maktab Rendah Sains Mara

Dapat 3A layak masuk MRSM

Kosmo
24/11/16
MLS 3

Oleh JULIA ISMAIL

KUALA LUMPUR – Majlis Amanah Rakyat (Mara) melonggarkan syarat kemasukan pelajar lepasan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ke tingkatan satu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) 2017 iaitu 3A dan 3B bagi calon Semenanjung Malaysia manakala 3A, 2B dan 1C bagi calon Sabah dan Sarawak.

Selain syarat minimum akademik yang diubahsuai, pengambilan pelajar ke MRSM pada tahun ini turut memberi keutamaan kepada pelajar cemerlang miskin bandar dan luar bandar serta peribumi Sabah dan Sarawak.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) berkata, pengubahsuaian syarat kemasukan ke MRSM itu dibuat berikutan keputusan UPSR yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan pengurangan pelajar yang mendapat semua A.

“Mengambil kira keputusan UPSR baru-baru ini, Mara membuat pengubahsuaian kelayakan minimum kemasukan pelajar tingkatan satu MRSM 2017 dengan syarat minimum keputusan 3A dan 3B bagi calon Semenanjung Malaysia manakala 3A, 2B dan 1C bagi calon Sabah dan Sarawak,” kata beliau selepas merasmikan majlis Hari Inovasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di sini semalam.

Syarat minimum kemasukan pelajar tingkatan satu ke MRSM sebelum ini ialah 5A bagi Semenanjung Malaysia manakala 4A bagi Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, Mara juga akan membuka laluan khas kepada pelajar cemerlang daripada kategori miskin tegar serta anak yatim bagi memastikan golongan itu mendapat peluang pendidikan yang lebih baik.

“Keutamaan yang diberikan ini kerana kita tahu waktu dan keadaan untuk belajar bagi golongan ini lebih sukar. Kalau mereka tinggal di MRSM dengan asrama

dan suasana berbeza serta makanan cukup, ia akan memberi motivasi untuk mereka belajar dengan lebih baik,” kata beliau.

Ismail Sabri memberitahu, Mara telah menyediakan 7,500 tempat untuk kemasukan pelajar tingkatan satu di 48 buah MRSM pada sesi 2017 di seluruh negara.

Pemohonan secara online bagi kemasukan MRSM telah dibuka bermula 13 September hingga 21 Oktober 2016 menerusi laman web www.mara.gov.my.

Keputusan kepada calon-calon yang layak sudah diberikan menerusi e-mel bermula 22 November lalu dengan calon-calon berkenaan diwajibkan menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM) Tingkatan Satu.

Pada 19 November lalu, *Kosmo!* melaporkan Kementerian Pendidikan mengumumkan pelajar yang memperoleh keputusan sekurang-kurangnya 3A dan 3B pada UPSR 2016 layak untuk memohon memasuki Tingkatan Satu di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) 2017.

INFO Keputusan UPSR (2014-2016)

Calon mendapat semua A

NEGERI	2016	2015	2014
Selangor	1,025	7,354	6,593
Sabah	187	1,612	1,231
Melaka	159	1,311	1,242
Terengganu	271	2,558	2,563
N.Sembilan	247	1,806	1,883
Perlis	45	346	291
Kedah	280	2,978	2,831
K.Lumpur	308	1,828	1,681
P.Pinang	399	2,430	2,335
Perak	363	2,929	2,847
Sarawak	284	1,998	1,862
Pahang	296	2,439	2,257
Kelantan	320	3,527	3,600
Johor	671	4,878	4,811
JUMLAH	4,896	38,344	36,304